

Pustakawan di Kampung, Mahasiswa di Kampus: Pengalaman Perpustakaan Dar al-Hikmah, UIAM Mengurangkan Isu Depresi Dalam Kalangan Mahasiswa

Siti Azizah Md Nor

Dar al-Hikmah Library

International Islamic University Malaysia

Jalan Gombak, 53100 Kuala Lumpur,

WP Kuala Lumpur, Malaysia

Emel: sitiiazidah@iium.edu.my / sitiiazidahmdnor795@gmail.com

ABSTRAK

Depresi merupakan penyakit mental yang menyebabkan gangguan perasaan sehingga menjejaskan kehidupan harian individu terbabit termasuklah dari aspek pemikiran, perasaan, tingkah laku dan kesejahteraannya. Depresi dalam kalangan mahasiswa sangat lazim terjadi. Pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang dikeluarkan oleh kerajaan membataskan pergerakan seluruh rakyat Malaysia termasuklah mahasiswa. Keadaan ini memburukkan lagi isu depresi dalam kalangan mahasiswa. Tulisan ini bertujuan untuk berkongsi pengalaman yang telah dilalui oleh Perpustakaan Dar al-Hikmah dalam mengurangkan isu depresi dalam kalangan mahasiswa Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) yang terkandas di kampus, melalui perkhidmatan perpustakaan. Dalam tulisan ini, penulis menjelaskan tentang perkhidmatan yang ditawarkan oleh perpustakaan semasa pandemik Covid 19, impak perkhidmatan yang ditawarkan kepada mahasiswa yang terkandas di kampus, sumbangan kecil kakitangan perpustakaan yang memberi impak yang besar dan kepentingan sikap saling percaya mempercayai antara ahli pasukan dalam menawarkan perkhidmatan. Hasil daripada tulisan ini dapat memberi maklumat dan pendedahan tentang perkhidmatan yang boleh mengurangkan isu depresi dalam kalangan mahasiswa yang terkandas di kampus semasa pandemik Covid 19. Tulisan ini dicadangkan agar dapat dijadikan sebagai panduan untuk menambahbaik kualiti perkhidmatan dan cara bekerja dalam kalangan ahli pasukan dalam menyediakan perkhidmatan yang berimpak tinggi.

Kata Kunci: Perkhidmatan perpustakaan, Bekerja dari rumah, Mahasiswa terkandas, Depresi

ABSTRACT

Depression is a mental illness that causes emotional disorders and affect the daily life of an individual, including thoughts, feelings, behavior and well-being. Depression among students is very common. The implementation of Movement Control Order (MCO) announced by the government restricts the movements of all Malaysians, including students. This situation worsened the issues of depression among students. This article aims to share the experience of the Dar al-Hikmah Library in reducing the issue of depression among students of the International Islamic University Malaysia (IIUM) who are stranded on campus, through the library services. In this paper, the author will explain the services offered by the Library during the Covid 19 pandemic, the impact of services offered to the students who are stranded on campus, the small contribution of the library staff that gave a big impact and the importance of mutual trust among team members in offering service. This paper will provide information on the services that can help to reduce the issues of depression among stranded students during the Covid 19 pandemic. This paper is proposed to be considered as a guide to improve the service quality and ways of working among team members in providing high impact services.

Keywords: Library services, Work from home, Stranded students, Depression

PENGENALAN

18 Mac 2020 mencipta sejarah tersendiri dalam negara apabila pihak kerajaan mengumumkan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) di seluruh tanah air. Berikutan itu, semua pejabat dan institusi pendidikan diarahkan tutup. Pekerja hanya bekerja dari rumah dan tidak dibenarkan hadir ke pejabat tanpa surat kebenaran. Manakala bagi mahasiswa pula, tiada aktiviti pembelajaran di dalam kelas yang berlangsung secara fizikal. Hal ini merubah rutin harian seluruh warga kampus sehingga menyebabkan gangguan emosi yang membawa kepada isu depresi terutamanya dalam kalangan mahasiswa.

Depresi atau kemurungan adalah sejenis penyakit yang memberi kesan negatif kepada perasaan, cara berfikir dan bertindak. Keadaan ini menyebabkan perasaan sedih atau hilang minat dalam melakukan aktiviti kegemaran sekaligus menyebabkan pelbagai masalah emosi dan fizikal yang boleh mengurangkan kemampuan melakukan sesuatu kerja (Parekh, 2017).

SOROTAN LITERATUR

Depresi merupakan salah satu penyakit mental yang boleh dirawat. Ini bermakna, individu yang mengalami depresi boleh sembuh sepenuhnya. Kaedah penyembuhan yang dimaksudkan adalah melalui terapi psikologi, perubatan dan program sokongan masyarakat. Sokongan ini merangkumi maklumat, tempat tinggal, bantuan untuk mencari pekerjaan, latihan dan pendidikan yang sesuai, pemulihan psikososial dan kumpulan sokongan yang saling membantu antara satu sama lain. (SANE, 2017).

Depresi dalam kalangan mahasiswa sangat lazim terjadi. Umum mengetahui bahawa mahasiswa terdiri daripada golongan muda yang kebanyakannya berumur antara 18 hingga 25 tahun. Golongan ini merupakan golongan yang paling ramai terdedah kepada isu depresi disebabkan mereka melalui fasa peralihan dari segi umur, iaitu dari alam remaja kepada alam dewasa. (Lugova et al., 2021; Rozita Manap et al., 2019).

Selain daripada itu, mahasiswa juga dipelopori oleh mereka yang masih bujang. Kebarangkalian golongan ini untuk mengalami depresi lebih tinggi berbanding dengan mereka yang mempunyai pasangan hidup (Leong Bin Abdullah et al., 2021; Lugova et al., 2021).

Dalam kajian yang dijalankan oleh Rozita Manap et al. (2019) keatas 91 orang mahasiswa sebuah institusi pengajian, terdapat mahasiswa yang mengalami depresi tahap sederhana (19.8%) hingga sangat teruk (2.2%). Penemuan ini memberi petanda buruk kepada peningkatan risiko gangguan psikitri dalam kalangan mahasiswa. Oleh sebab itu, pencegahan awal amat diperlukan untuk meningkatkan kualiti hidup dan mengurangkan tahap depresi mereka.

Menurut Hazli Zakaria (2020), orang yang mengalami depresi boleh memilih untuk mendapatkan rawatan psikologi atau rawatan perubatan. Individu yang mengalami depresi tahap sederhana boleh dibantu dengan ubat-ubatan yang dipreskripsi bersama dengan rawatan psikologi. Antara sepuluh petua yang dicadangkan untuk mengekalkan kesihatan mental adalah menetapkan matlamat yang realistik untuk dicapai dalam akademik, profesional mahupun peribadi.

Berdasarkan kajian yang telah dijalankan, Covid 19 memberi kesan yang buruk kepada emosi dan kesihatan mental mahasiswa disebabkan penutupan institusi pengajian untuk satu tempoh yang lebih lama daripada kebiasaan (Akhtarul Islam et al., 2020; Gritsenko et al., 2020).

Rentetan daripada penutupan institusi pengajian, pembelajaran dalam talian menjadi pilihan. Namun, kaedah ini lebih memmenatkan berbanding kelas secara fizikal kerana ia memerlukan usaha terus daripada mahasiswa itu sendiri untuk mempersiapkan diri dengan fasiliti yang diperlukan seperti komputer riba, jaringan internet dan ruang belajar yang kondusif. Tanpa kelengkapan ini, mahasiswa tidak dapat memanfaatkan pembelajaran dalam talian dengan baik. Situasi ini betul-betul meresahkan jiwa sehingga menjadi satu cabaran yang besar buat mahasiswa (Hakim Mahari, 2021; Noor Anis Adila Omar, 2021).

Disebalik kegusaran masyarakat umum yang bergelut dengan pandemik yang tidak diketahui titik noktahnya, mahasiswa turut terjerumus dalam perang emosi yang sama. Tanpa disedari, mahasiswa turut berdepan dengan kesepian yang melampau kerana terpaksa memisahkan diri daripada kumpulan sosial dan rakan sebaya semasa menghabiskan saat-saat manis perjuangan di universiti. Jika sebelum pandemik, perbualan seperti; “Jom, makan tengahari sama-sama!” atau “Kita nak makan kat mana malam ni?” sentiasa berlegar-legar dalam kalangan mahasiswa. Kadangkala, ia tidak berakhir di situ sahaja, malah berlanjutan hingga ke aktiviti berkunjung ke bilik rakan-rakan lain untuk menikmati kudapan selepas makan malam. Namun begitu, dengan munculnya pandemik, semua ini hanya tinggal kenangan (Haidah Halid, 2021).

Dalam ruangan *Lifestyle - IIUM Today*, Nurul Firzanah Shamsul (2021) mendakwa, sebelum di landa Covid 19, kebanyakan pengusaha menjalankan perniagaan mereka di luar talian atau secara fizikal. Mereka mempromosikan perniagaan melalui kain rentang, templat, brosur dan mengiklankannya di surat khabar atau kaca televisyen. Kemudian pelanggan akan datang ke kedai secara fizikal. Akan tetapi, sejak pandemik melanda, mereka tiada pilihan selain menutup premis perniagaan dan mula beroperasi dari rumah. Malah, ada yang terpaksa gulung tikar.

Keadaan ini menjejaskan pendapatan sampingan mahasiswa yang menjalankan perniagaan mahupun yang bekerja secara sambilan di premis perniagaan di dalam kampus. Perkara ini turut diakui oleh beberapa orang mahasiswa antarabangsa yang berhubung dengan Ketua Unit Pinjaman dan Sirkulasi, merayu agar denda lewat pulang mereka dilupuskan, atau paling tidak, dikurangkan. Apa yang menyedihkan lagi, mereka terpaksa mengikat perut kerana kehilangan pekerjaan dan tidak mempunyai sumber pendapatan untuk menampung kehidupan harian di dalam kampus. Keadaan ini jelas terbukti menjadi salah satu penyebab meningkatnya isu depresi dalam kalangan mahasiswa UIAM.

Jika sebelum pandemik melanda, mahasiswa diwajibkan menjalani Latihan Industri sebagai syarat untuk tamat pengajian sarjana. Dalam latihan ini, mereka berpeluang untuk menyesuaikan diri dengan alam pekerjaan sebenar sekaligus menambahkan lagi peluang kerjaya selepas tamat pengajian. Malangnya keadaan ekonomi yang tidak menentu semasa pandemik, mengakibatkan masa depan mereka suram. Lebih malang lagi bagi mahasiswa antarabangsa yang tidak dapat kembali ke negara mereka buat masa ini (Mayukh, 2021). Perihal ini jelas membuktikan bahawa situasi pandemik betul-betul meragut wajah ceria mahasiswa yang bakal menamatkan pengajian dalam masa terdekat.

KAEDAH DAN PERBINCANGAN

Gangguan emosi yang disebabkan oleh isu depresi boleh mendatangkan kesan buruk seperti kelesuan dan masalah kesihatan. Kegagalan mengatasi isu depresi boleh mempengaruhi kesan psikologi yang tidak diingini sepanjang hayat. Mahasiswa perlu berada dalam tahap kesihatan yang baik untuk mencapai kejayaan dalam pengajian di universiti sekaligus mempunyai masa depan yang lebih cerah.

Arahan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang dikeluarkan oleh kerajaan membataskan pergerakan seluruh rakyat Malaysia. Keadaan ini memburukkan lagi isu depresi dalam kalangan mahasiswa. Kementerian Kesihatan Malaysia melaporkan 2500 panggilan telefon dan 1000 pesanan *WhatsApp* diterima sepanjang tempoh awal pelaksanaan iaitu antara 28 Mac 2020 hingga 12 April 2020. Namun, ia menunjukkan penurunan setelah pihak kerajaan melonggarkan kawalan bermula Mei 2020 (Hassan, 2020; Leong Bin Abdullah et al., 2021).

Perkara ini disokong oleh Muhammad Faris Abdullah (2020) yang mendapati bahawa data di Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) menunjukkan peningkatan jumlah mahasiswa yang mendapatkan khidmat nasihat kaunseling dalam tempoh PKP. Ini melibatkan kes-kes depresi dan kegelisahan dalam kalangan mahasiswa. Pelbagai faktor yang menjadi penyumbang kepada masalah ini termasuk bersendirian di dalam bilik asrama, tidak dapat bersama-sama keluarga, kebimbangan terhadap kesejahteraan keluarga dan kebimbangan terhadap penutupan universiti yang memberi kesan kepada perancangan pengajian mereka.

Menurut Hazli Zakaria (2020) kecelaruan mental yang paling umum seperti kemurungan, kegelisahan bipolar dan skizofrenia boleh dirawat dengan baik jika tanda-tanda dan gejala yang dikaitkan dengan setiap penyakit dikesan lebih awal. Ini bermakna, seseorang yang mengalami depresi boleh mendapatkan rawatan untuk mengatasi masalah tersebut.

Sehubungan dengan itu, Perpustakaan Dar al-Hikmah, UIAM mengambil inisiatif dengan memperkenalkan perkhidmatan yang dinamakan *Collect & Go Book Service* (CnG) kepada mahasiswa UIAM.

Perkhidmatan CnG merupakan perkhidmatan yang ditawarkan secara percuma kepada mahasiswa yang terkandas di dalam Kampus Gombak semasa pandemik melanda. Perkhidmatan ini memulakan operasinya pada 21 April 2020 dan berakhir pada 21 Julai 2020. Namun, keputusan pihak kerajaan untuk melaksanakan semula PKP bermula 14 Oktober 2020 memberi peluang sekali lagi kepada pihak perpustakaan untuk menyambung semula perkhidmatan ini. Malah, ia diperluaskan lagi kepada pelanggan di Perpustakaan Kampus Kuantan, Gambang dan Pagoh sebelum berakhir pada 12 November 2020.

Semenjak diperkenalkan buat kali pertama lagi, perkhidmatan ini mendapat sambutan yang memberangsangkan daripada pelanggan perpustakaan. Hal ini dibuktikan dengan jumlah permohonan yang diterima sepanjang empat bulan tempoh operasi dalam tahun 2020, iaitu sebanyak 488 permohonan, melibatkan 1,140 judul buku. Sekaligus membuktikan bahawa perkhidmatan yang ditawarkan oleh pihak perpustakaan memberi impak positif kepada mahasiswa.

Rajah 1: Jumlah permohonan dan judul buku.

Tempoh	Permohonan	Judul buku
Empat bulan	488	1140

Pihak perpustakaan turut mengambil kira biblioterapi sebagai salah satu cara untuk mengurangkan isu depresi dalam kalangan mahasiswa UIAM. Ini kerana kaedah tersebut merupakan terapi alternatif yang berkesan bagi membantu mengatasi masalah gangguan jiwa atau depresi di peringkat ringan. Kaedah ini boleh dilakukan dengan memilih buku yang sesuai sebagai bahan bacaan sendiri. Bahan bacaan yang diperlukan pula boleh didapati di perpustakaan secara percuma. Dalam hal ini, perpustakaan berperanan sebagai farmasi manakala pustakawan memainkan peranan sebagai ahli

farmasi yang boleh mencadangkan bahan bacaan yang sesuai untuk dibaca oleh mahasiswa terbabit (Rafidah Abdul Aziz, 2021).

Pendapat ini turut disokong oleh pernyataan Mohamed Hatta Shaharom (2021) yang menegaskan bahawa, melalui pembacaan, seseorang boleh menyedari kewujudan tuhan dan sunnah nabi yang boleh dijadikan panduan untuk menjalani kehidupan seharian. Selain daripada itu, pembacaan mampu memperkayakan diri dan merawat jiwa yang sedang mengalami depresi di samping menghargai nilai kasih sayang dalam keluarga dan masyarakat. Membaca turut menjadi pertahanan jiwa daripada mendapat depresi dan keresahan yang begitu senang dialami oleh manusia. Hal ini menunjukkan bahawa biblioterapi memainkan peranan dalam mengukuhkan lagi rawatan bagi masalah ini.

Dari sudut lain pula, perkhidmatan CnG memberi peluang keemasan kepada kakitangan perpustakaan samada pustakawan mahupun kakitangan sokongan perpustakaan untuk turut menyumbang bakti dalam menangani isu depresi dalam kalangan mahasiswa UIAM semasa pandemik Covid-19.

Namun, PKP turut memberi cabaran getir kepada kakitangan perpustakaan ini kerana pergerakan hanya terhad di dalam daerah masing-masing sahaja. Lebih memburukkan lagi keadaan apabila pustakawan selaku ketua unit yang akan mengetuai operasi perkhidmatan ini terkandas di kampung halaman yang terletak di kawasan pedalaman.

Walaupun bagaimanapun, dengan adanya kecanggihan teknologi seperti penggunaan peranti mudah alih, jaringan internet, aplikasi *Whatsapp* dan borang dalam talian, menjadi pemudah cara kepada operasi ini. Dengan demikian, pustakawan boleh memantau permohonan dan menyalurkan maklumat yang diperlukan kepada kakitangan sokongan perpustakaan melalui aplikasi *WhatsApp*. Dari segi komunikasi dengan mahasiswa, pustakawan turut menggunakan aplikasi yang sama kerana penggunaannya mudah, cepat dan tidak melibatkan kos yang tinggi.

Perkhidmatan CnG yang julung kali ditawarkan pada April 2020 dilaksanakan oleh Unit Pinjaman dan Sirkulasi, Perpustakaan Dar al-Hikmah, UIAM. Walaupun pada musim pandemik, kakitangan sokongan perpustakaan dengan rela hati hadir ke perpustakaan untuk menjalankan proses penyediaan seperti mencari bahan bacaan di rak dan seterusnya membuat serahan tangan kepada mahasiswa yang memohon. Semua proses ini berlaku dengan pematuhan Prosedur Operasi Standard (SOP) yang ketat.


Tiada sebarang bayaran tambahan diberikan kepada kakitangan yang terlibat. Ini menunjukkan bahawa kakitangan Perpustakaan Dar al-Hikmah mempunyai semangat kerja yang jitu sehingga sanggup mengorbankan masa dan tenaga demi menghulurkan bantuan kepada mahasiswa yang memerlukan bahan bacaan semasa terkandas di dalam kampus.

Perkhidmatan ini turut memberi impak yang besar dalam kerja berpasukan antara kakitangan perpustakaan. Perkara ini terbukti apabila maklumat permohonan yang diterima berjaya diproses oleh pustakawan yang terkandas di kampung. Maklumat permohonan kemudiannya disalurkan kepada kakitangan sokongan yang berada di Lembah Klang. Berlandaskan kerjasama yang baik antara ahli pasukan, permohonan daripada mahasiswa untuk mendapatkan bahan bacaan semasa pandemik dapat ditunaikan tanpa gagal.

Bukan itu sahaja, sikap saling percaya mempercayai antara pustakawan dan kakitangan sokongan turut menjadi nadi utama dalam menjayakan perkhidmatan ini. Hal tersebut dapat dibuktikan dengan adanya pemantauan perjalanan perkhidmatan CnG yang hanya dilakukan dari jarak jauh sahaja.

Walaupun ianya membabitkan beberapa pihak yang berada di lokasi yang berlainan sebagaimana yang ditunjukkan dalam gambarajah 2, perkhidmatan ini berjalan dengan sangat lancar.

Rajah 2: Proses aliran maklumat yang berlaku dalam perkhidmatan CnG.



Malah, dalam perkhidmatan yang ditawarkan semasa pelaksanaan PKP kali kedua, lebih ramai kakitangan perpustakaan yang terlibat. Hal ini berlaku kerana pihak pengurusan perpustakaan memutuskan supaya semua kakitangan gred 44 kebawah daripada setiap unit terlibat secara langsung dalam perkhidmatan ini. Sekaligus memberi peluang kepada pustakawan dari unit lain untuk turut sama menawarkan sumbangan mereka mengikut giliran jadual bertugas yang telah ditetapkan. Perkara ini menjadi bukti bahawa sumbangan kecil daripada kakitangan perpustakaan ini diiktiraf dan amalan menawarkan perkhidmatan lebih daripada kebiasaan diterima baik oleh setiap lapisan kakitangan.

Dari perspektif pelanggan pula, pemerhatian penulis menunjukkan bahawa pelanggan perpustakaan sangat menghargai perkhidmatan yang diberikan dengan mengucapkan terima kasih kepada kakitangan yang membantu mereka mendapatkan bahan bacaan. Situasi ini kerap berlaku semasa proses serahan tangan bahan bacaan kepada pelanggan. Suasana ini menggambarkan bahawa sumbangan kecil yang ditawarkan oleh kakitangan perpustakaan memberi impak yang tinggi kepada kepuasan pelanggan.

Tidak cukup dengan itu, sebahagian daripada pelanggan menghantar pesanan ringkas ke grup *WhatsApp CollectnGo services* yang dicipta khas oleh pustakawan sebagai medium penghubung dalam perkhidmatan ini. Beberapa pesanan ringkas tersebut diabadikan di dalam artikel ini, seperti yang ditunjukkan di dalam gambarajah 2.

Rajah 3: Maklum balas pelanggan perpustakaan terhadap perkhidmatan CnG.

"Our library staff are part of the real soldiers caring for all" – Mohamed El Tahir El Mesawi

"Your service is really impressive... Jazakumullah khair..." – Unnais

"Thank u to all Dar al-Hikmah Librarians. For your great, helpful and wonderful service" – Haikal

"Thank u so much for providing us with your services. May Allah reward you" – Sumaiya

"amongst of the essential service. Thank u to all of the librarians. May Allah blesses you" – Syakir

Menurut Profesor Mohamed El Tahir El Mesawi (komunikasi peribadi, 6 Jun 2020), kakitangan perpustakaan adalah sebahagian daripada pejuang sebenar yang menjaga semua orang. Mesej ini jelas menunjukkan bahawa perkhidmatan CnG berjaya memelihara kesejahteraan mahasiswa UIAM yang berperang dengan emosi semasa menghadapi saat-saat getir terkandas di dalam kampus Gombak.

Dalam pada itu, pesanan ringkas daripada Unnais dan Syakir (komunikasi peribadi, 6 Jun 2020) yang menyatakan perkhidmatan yang ditawarkan oleh pihak perpustakaan adalah antara yang terpenting dan ianya sungguh mengagumkan. Hal ini menggambarkan bahawa perkhidmatan CnG mampu menambat hati mahasiswa UIAM tatkala mereka gusar akan masa depan pengajian mereka di UIAM.

Selain menyifatkan perkhidmatan ini sebagai hebat dan bermanfaat, pesanan ringkas daripada Haikal dan Sumaiya (komunikasi peribadi, 6 Jun 2020) turut menzahirkan rasa syukur dan terima kasih mereka terhadap khidmat yang diberikan oleh kakitangan perpustakaan. Perihal ini menjelaskan bahawa sumbangan kecil kakitangan yang menghulurkan bantuan sewaktu mereka benar-benar memerlukannya, amat dihargai oleh mahasiswa.

Seperkara lagi yang perlu dititikberatkan ialah, pihak Perpustakaan Dar al-Hikmah tidak meminta sebarang maklum balas daripada pelanggan. Namun begitu, pelanggan perpustakaan sendiri secara sukarela telah menghantar semua maklum balas tersebut melalui aplikasi *WhatsApp* pada Hari Pustakawan Malaysia 2020. Reaksi positif ini disambut baik oleh pustakawan kerana ia memberi gambaran sebenar tentang kepuasan pihak pelanggan terhadap perkhidmatan CnG yang ditawarkan sepanjang musim pandemik. Hal ini sekaligus menjadi penanda aras kepada kejayaan perkhidmatan CnG. Malah, lebih banyak maklum balas yang akan diperolehi sekiranya kajian yang lebih saintifik dijalankan pada masa hadapan.

RUMUSAN

Perpustakaan mempunyai peluang yang besar dalam menawarkan perkhidmatan untuk mengurangkan isu depresi dalam kalangan mahasiswa. Pustakawan dan kakitangan sokongan perpustakaan pula memainkan peranan yang sangat penting dalam hal ini. Sikap saling percaya mempercayai dan kerjasama erat daripada semua pihak dalam menggembeling tenaga dan mengorbankan masa untuk menawarkan perkhidmatan lebih daripada kebiasaan, mampu menjadi tonggak utama kepada kejayaan perkhidmatan perpustakaan.

Walaupun situasi pandemik Covid 19 yang semakin mengganas sehingga mendesak seluruh warga kerja mengamalkan konsep bekerja dari rumah, ia tidak membataskan usaha perpustakaan untuk menawarkan perkhidmatan yang boleh membantu pelanggan sekaligus mengurangkan isu depresi dalam kalangan mahasiswa.

Tulisan ini diharap dapat memberi serba sedikit maklumat dan pendedahan tentang perkhidmatan yang boleh ditawarkan kepada mahasiswa dalam keadaan perpustakaan yang terpaksa ditutup. Selain daripada itu, ia dapat digunakan sebagai panduan untuk menambahbaik kualiti perkhidmatan dan cara bekerja dalam satu pasukan. Kerjasama dan komitmen yang tidak berbelah bagi daripada semua pihak mampu menjanjikan perkhidmatan yang berimpak tinggi kepada pelanggan perpustakaan.

RUJUKAN

Akhtarul Islam, M., Barna, S. D., Raihan, H., Nafiul Alam Khan, M., & Tanvir Hossain, M. (2020). Depression and anxiety among university students during the COVID-19 pandemic in Bangladesh: A web-based cross-sectional survey. *PLoS ONE*, 15(8 August), 1–12. <https://doi.org/10.1371/journal.pone.0238162>

- Gritsenko, V., Skugarevsky, O., Konstantinov, V., Khamenka, N., Marinova, T., Reznik, A., & Isralowitz, R. (2020). COVID 19 Fear, Stress, Anxiety, and Substance Use Among Russian and Belarusian University Students. *International Journal of Mental Health and Addiction*. <https://doi.org/10.1007/s11469-020-00330-z>
- Haidah Halid. (2021). *Of Friends and Food: Our lifeline amidst the pandemic – IUM Today*. <https://news.iium.edu.my/?p=149728>
- Hakim Mahari. (2021). *Tahun 2021 bakal kembali menjadi tahun mencabar buat mahasiswa? – IUM Today*. <https://news.iium.edu.my/?p=147734>
- Hassan, H. (2020). Coronavirus: Mental health issues rise during Malaysia’s partial shutdown. *Straits Times*, 1–8. <https://www.straitstimes.com/asia/se-asia/coronavirus-mental-health-issues-rise-during-malaysias-partial-shutdown>
- Hazli Zakaria. (2020). Buku panduan kesihatan mental. *Malaysian Psychiatric Association*, 48. https://www.myhealthmylife.com.my/sites/default/files/2020-09/Mental_Health_Booklet%28MLY%29.pdf
- Leong Bin Abdullah, M. F. I., Ahmad Yusof, H., Mohd Shariff, N., Hami, R., Nisman, N. F., & Law, K. S. (2021). Depression and anxiety in the Malaysian urban population and their association with demographic characteristics, quality of life, and the emergence of the COVID-19 pandemic. *Current Psychology*. <https://doi.org/10.1007/s12144-021-01492-2>
- Lugova, H., Andoy-Galvan, J. A., Patil, S. S., Wong, Y. H., Baloch, G. M., Suleiman, A., Nordin, R., & Chinna, K. (2021). Prevalence and Associated Factors of the Severity of Depression, Anxiety and Stress Among Low-Income Community-Dwelling Adults in Kuala Lumpur, Malaysia. *Community Mental Health Journal*, January. <https://doi.org/10.1007/s10597-020-00765-7>
- Mayukh, N. (2021). *“A bad time to graduate... worse if you’re a foreign student” – IUM Today*. <https://news.iium.edu.my/?p=150240>
- Mohamed Hatta Shaharom. (2021). *Seminar Biblioterapi Malaysia 2021 [Webinar]*. Persatuan Biblioterapi Malaysia. <https://www.facebook.com/watch/Persatuan-Biblioterapi-Malaysia-541855992988897/>
- Muhammad Faris Abdullah. (2020). *Home is where the heart is*. International Islamic University Malaysia. <https://www.iium.edu.my/news/home-is-where-the-heart-is>
- Noor Anis Adila Omar. (2021). *Online side hustle: Surviving amidst the pandemic – IUM Today*. <https://news.iium.edu.my/?p=150242>
- Nurul Firzanah Shamsul. (2021). *How to sustain your business during current pandemic – IUM Today*. <https://news.iium.edu.my/?p=152788>
- Parekh, R. (2017). What is depression? *Nephrology Nurse*, 5(1). <https://www.psychiatry.org/patients-families/depression/what-is-depression>
- Rafidah Abdul Aziz. (2021). *Seminar Biblioterapi Malaysia 2021 [Webinar]*. Persatuan Biblioterapi Malaysia. <https://www.facebook.com/watch/Persatuan-Biblioterapi-Malaysia-541855992988897/>
- Rozita Manap, Sohana Abdul Hamid & Marhaini Abdul Ghani, . (2019). Depression, Anxiety and Stress Among Undergraduate Students. *E-Bangi (Journal of Social Sciences and Humanities)*, 16(2), 1–7.
- SANE. (2017). *Treatments for mental illness*. SANE. <https://www.sane.org/mental-health-and-illness/facts-and-guides/treatments-for-mental-illness>